

10,000 hektar sawah kering

» IADA tangguh penanaman buat kali kedua berikutan tiada bekalan air

Oleh Yahya Awang
bhnews@bh.com.my

► Bagan Serai

Proses tanaman padi di kawasan seluas kira-kira 10,000 hektar sekitar Semanggol dan Selinsing di sini, ditangguhkan buat kali kedua pada 15 April ini berikutan cuaca kering dan tiada bekalan air mencukupi.

Keadaan itu disebabkan keadaan Tasik Bukit Merah yang didapati semakin menyusut.

Pengarah Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Kerian, Zahimi Hassan, berkata pesawah sepatutnya memulakan proses menabur benih padi pada 16 Mac lalu tetapi ditunda kepada 26 Mac berikutan bekalan air tidak mencukupi.

Tangguh kali kedua

“Ini adalah penangguhan kali kedua berikutan kemarau panjang yang turut menjejaskan paras air di Tasik Bukit Merah.

FAKTA NOMBOR

7
meter

paras air di Tasik
Bukit Merah

IADA pada 2 April lalu yang turut membabitkan Jabatan Pertanian, Pertubuhan Peladang Kawasan serta Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS),” katanya di sini, semalam.



Proses tanaman padi di kawasan sekitar Semanggol dan Selinsing seluas kira-kira 10,000 hektar terpaksa ditangguhkan buat kali kedua berikutan cuaca kering dan tiada bekalan air mencukupi.

[FOTO YAHYA AWANG/BH]

“Keputusan menangguhkan sementara tanaman padi di kawasan Semanggol dan Selinsing diputuskan dalam mesyuarat

Katanya, pihaknya kini menumpukan penyaluran bekalan air di kawasan tanaman padi sekitar Bagan Serai, Alor Pongsu, Kuala Kurau, Parit Buntar, Tanjung Piandang, Bagan Tiang dan Sungai Aceh di Selatan Nibong Tebal kerana padi sudah ditanam serta berusia antara dua minggu hingga sebulan yang memerlukan bekalan air banyak.

“IADA turut menggunakan

pam bergerak bagi mengepam air dari parit berhampiran secara kitaran bagi membolehkan sawah terus mendapat bekalan air,” katanya.

Sementara itu, Jurutera Daerah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Kerian, Hasmi Mat, berkata paras air di Tasik Bukit Merah kini dicatat pada paras kira-kira tujuh meter yang disifatkan sebagai kritikal kerana paras normal ialah 9.5 meter.